

MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.2/2014

Kementerian : **Kementerian Kewangan**

Jabatan : **Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Tarikh : **5 November 2014 (Rabu)**

Masa : **9.30 pagi**

Tempat : **Dewan Persidangan Sri Rampai,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja
Malaysia ,
Aras 3 Selatan, No 3, Persiaran Perdana ,
Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2, 62592, Putrajaya .**

Pengerusi : **YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad
Ketua Pengarah Kastam Malaysia**

Pengerusi Bersama : **Encik S.Raja Kumaran
Chairman
Focus Group Trade Facilitation –
Malaysian International Chamber of
*Commerce and Industry (MICCI)***

Kehadiran : **Seperti di Lampiran**

1. UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg Dato'Sri Khazali bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Dato' Sri Pengerusi merakamkan ucapan takziah kepada Allahyarham Muhammad Nasrun Toon bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai *Mr.Toon*, Presiden Johor Freight Forwarders Association yang telah meninggal dunia pada bulan September yang lepas.
- 1.3 Pengerusi turut merakamkan penghargaan atas sumbangan dan jasa Allahyarham dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak swasta.
- 1.4 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan ahli mesyuarat bahawa sebanyak 8 usul belum selesai dan 10 usul baru akan dibincangkan dalam mesyuarat pada hari ini.
- 1.5 Beliau memohon kerjasama pihak swasta untuk menghantar usul-usul yang berkaitan dengan dasar dan polisi dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia agar usul-usul yang diterima dapat diurus dengan lebih efektif oleh pihak yang perlu mengambil tindakan.

- 1.6 Dato' Sri Pengerusi turut memaklumkan isu-isu teknikal GST yang dikemukakan oleh *Federation of Malaysian Manufactures* (FMM) akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal GST dan keputusan akan dimuat naik dalam portal GST untuk makluman semua pihak.
- 1.7 Dato' Sri Pengerusi menyatakan 'Program Pendaftaran Perniagaan GST' sedang berjalan lancar dengan kerjasama persatuan perniagaan, pertubuhan professional dan parti politik.
- 1.8 Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan Program *Hand Holding* di peringkat negeri dalam membantu perniagaan memahami dan melaksanakan GST dengan lebih cekap.
- 1.9 Dato' Sri Pengerusi berharap persefahaman dan kerjasama yang sedia ada antara ahli mesyuarat perlu diperkuuhkan lagi agar boleh bergerak secara lebih pantas dan cekap demi menguntungkan semua pihak dan menyejahterakan rakyat.

UNTUK MAKLUMAN

2. UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

- 2.1 Pengerusi Bersama, Encik S.Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke mesyuarat.**
- 2.2 Pengerusi Bersama menyifatkan mesyuarat ini merupakan satu platform yang baik bagi pihak swasta untuk menyalurkan masalah atau isu yang dihadapi oleh mereka.**
- 2.3 Beliau memaklumkan Jabatan perlu mengambil kira 2 komponen bagi memastikan sistem percukaian GST efisen dan berjaya iaitu:**
 - 2.3.1 Memastikan orang awam memahami konsep GST**
 - 2.3.2 Kecekapan dalam pelaksanaan GST**
- 2.4 Beliau menghargai usaha-usaha yang telah diambil oleh Jabatan Kastam mempromosi GST kepada orang awam mahupun golongan peniaga.**
- 2.5 Pengerusi Bersama memohon Jabatan Kastam untuk menyiapkan panduan industri sebelum pelaksanaan GST.**
- 2.6 Encik S.Rajakumaran turut menerima baik tindakan Jabatan Kastam dalam melaksanakan panel perbincangan khas bagi membincangkan soalan yang sering ditanya berkaitan GST.**
- 2.7 Beliau mengatakan pihak swasta sentiasa bersedia dalam memberi bantuan dan sokongan kepada Jabatan Kastam dalam pelaksanaan GST.**

UNTUK MAKLUMAN

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Mesyuarat dengan sebulat suara telah mengesahkan Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 1/2014 tanpa pindaan.

UNTUK MAKLUMAN

4. MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 SELF CERTIFICATION REGIME- PROPOSAL TO IMPOSE STRICTER PENALTIES AGAINST FRAUDULENT DECLARATIONS

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Kementerian Kewangan telah membuat draf pindaan Akta Kastam 1967 dengan mengambil kira cadangan pindaan baharu bagi menetapkan kadar denda minima RM20,000 yang dikenakan ke atas kesalahan ikrar di bawah *Self Certification Regime*.
- ii. Draf pindaan tersebut akan dibentangkan dalam sesi parlimen pada bulan March 2015.

TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN

4.2 VALUATION FOR EXCISE DUTIES

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Peraturan–Peraturan Eksais (Pindaan) 2014 telah ditandatangani oleh YB Menteri Kewangan II dan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diwartakan.

TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN

4.3 CUSTOMS LICENSE – PRESENT VALIDITY PERIOD IS 2 YEARS

- a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Bahagian Perkastaman telah mengedarkan surat mengenai kemudahan tempoh masa pembaharuan lesen Agen Penghantaran dan Agen Perkapalan dari 2 tahun ke 5 tahun kepada semua Pengarah Kastam Negeri dan 14 presiden persatuan.
- ii. Perintah Tetap Kastam Bil.45 – Dasar Perlantikan dan Pembaharuan Ejen berkuatkuasa pada 1 Julai 2014 telah diedarkan kepada semua Pengarah Kastam Negeri.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN /SELESAI

4.4 RECOGNIZING PENANG EXPORT DECLARATION DEMINIMIS FOR BOTH K2 & K8

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Kementerian Kewangan telah menerima maklumbalas berhubung isu ini dari Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- ii. Walaubagaimanapun, MITI akan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji cadangan pelaksanaan Deminimis dengan lebih lanjut secara terperinci dan yang akan turut disertai oleh *Conference of Asia Pacific Express Carries (CAPEC)*.

TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN

4.5 FREEZING OF CUSTOMS AGENTS' LICENCE

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Kajian berkenaan Lesen Agen Penghantaran sedang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri.**
- ii. Kajian yang dibuat meliputi status tarik balik pembekuan Lesen Agen Kastam dan isu 51% ekuiti Bumiputera untuk syarikat yang berstatus sebagai syarikat Sendirian Berhad.**
- iii. Keputusan berhubung isu ini akan dimaklumkan setelah laporan lengkap kajian diperoleh.**

TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN

4.6 ROYALTI

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
 - i. Keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung kes Nike Sales Malaysia Sdn Bhd vs Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah diperolehi.
 - ii. Walaupun keputusan kes tersebut tidak berpihak kepada Jabatan Kastam, namun notis tuntutan atau *Bill Of Demand (BOD)* yang telah dikeluarkan sebelum keputusan mahkamah masih boleh diteruskan.
 - iii. Tuntutan terhadap cukai tertunggak boleh dibuat berdasarkan kepada kuasa yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Kastam.
 - iv. MICCI berharap Jabatan akan meneliti semula BOD yang telah dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan kes Nike vs JKDM dan sekurang-kurangnya pengeluaran BOD yang baru berkenaan kes royalti perlu dirujuk dengan fakta-fakta utama yang dinyatakan dalam kes tersebut.
 - v. MICCI memohon kerjasama JKDM untuk membuat ringkasan kes Nike Sales Malaysia Sdn Bhd vs Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan memaklumkan kepada pegawai-pegawai Kastam di negeri agar mereka turut mempunyai pengetahuan berhubung kes ini.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

- i. Tuntutan bayaran terhadap BOD yang telah dikeluarkan sebelum keputusan Mahkamah Persekutuan akan diteruskan oleh Jabatan Kastam.
- ii. Bahagian Perundangan diminta mengeluarkan ringkasan kes atau jurnal berkaitan kes Nike Sales Malaysia Sdn Bhd vs Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk pengetahuan dan pemahaman pegawai Jabatan Kastam.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERUNDANGAN

4.7 i) EXCHANGE RATE TO BE USED FOR SERVICE TAX PURPOSES

ii) CALCULATION OF SALES TAX

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Akta Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan tidak mempunyai peruntukan mengenai kadar pertukaran mata wang asing.
- ii. Disebabkan kadar pertukaran mata wang asing tidak diperuntukkan di dalam Akta Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan, maka JKDM telah bersetuju untuk membenarkan penggunaan *daily selling rate* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menentukan cukai jualan barang yang dikilang di Malaysia.
- iii. Keputusan ini dibuat selaras dengan keperluan pelaksanaan GST pada 1 April 2015.
- iv. Pihak syarikat perlu memohon kelulusan Jabatan Kastam untuk menggunakan *daily selling rate* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

4.8 K8 - HANGING FORM

- a. **Mesyuarat mengambil maklum :**
 - i. **Hanya kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta Kastam 1967 sahaja boleh ditawarkan kompaun.**
 - ii. **Hal ini telah dimaklumkan kepada semua Pengarah Kastam Negeri.**
 - iii. ***K8 hanging form* tidak wajar dikenakan kompaun bagi kes seperti berikut :**
 - a) **Borang K8 yang diterima di stesen penerima tidak diimbang dalam Sistem Maklumat Kastam oleh stesen Kastam yang bertugas ;**
 - b) **Kegagalan sistem untuk berfungsi baik seperti respon yang lambat dari SMK.**

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5. MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU

5.1 51% REQUIREMENT FOR COMPANIES REGISTERED AS PRIVATE LIMITED (SENDIRIAN BERHAD)

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Mengikut surat yang dikeluarkan rujukan KE.HE.(44)001/01-3(A) bertarikh 19 Jun 2014, syarikat penghantaran yang berdaftar sebagai Pemilik Tunggal atau Perkongsian di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 sebelum tahun 1976 (bagi negeri Sarawak sebelum tahun 1977) dan dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia tidak tertakluk kepada syarat penyertaan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 51% dari segi modal saham, Pengarah, kakitangan pengurusan dan kakitangan pembantu.
- ii. Namun begitu, pengecualian ini tidak terpakai untuk syarikat yang telah berdaftar sebagai ‘Sendirian Berhad’ sebelum tahun 1976.
- iii. Jika syarikat gagal mematuhi syarat yang ditetapkan, maka kelulusan sebagai ejen penghantaran syarikat akan digantung atau dibatalkan selaras dengan peruntukan Seksyen 90(4) Akta Kastam 1967.

- iv. Terdapat 20 syarikat yang tidak memenuhi syarat dan menghadapi telah menghadapi masalah untuk memperbaharui Lesen Kastam.
 - v. FMFF berharap pengecualian ekuiti Bumiputera diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut kerana telah lama beroperasi demi menjaga perkembangan industri tempatan dan kecil.
-
- b. Mesyuarat membuat keputusan kajian berhubung isu ini akan dilbuat oleh Kementerian Kewangan bersama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri dan perlu diselesaikan sebelum akhir tahun 2014.

TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN

5.2 DETENTION OF CARGO AND CONTAINERS AT CUSTOMS GATE

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
 - i. Penahanan kontena yang telah selesai proses pengikraran Kastam di pintu keluar kawasan Kastam menyebabkan kelewatan penghantaran dagangan serta meningkatkan kos kepada syarikat dan agen penghantaran.

- ii. FMFF memaklumkan tindakan Jabatan ini memberi kesan yang negatif terhadap Jabatan.
- iii. JKDM memaklumkan pemeriksaan ke atas kontena dibuat berasaskan penilaian risiko oleh Bahagian Penguatkuasaan dan maklumat atau aduan yang diterima oleh Jabatan Kastam.
- iv. Pemeriksaan ini terbukti dapat mengelak ketirisan hasil sepertiman yang ditunjukkan melalui statistik di bawah :

Tahun	Bil.Kontena Diperiksa	Kekurangan cukai yang pungut semula (RM)	Jum.Kompaun terlibat (RM)
2012	594	9,410,752.01	168,500.00
2013	572	8,796,776.97	190,800.00
2014	739	12,193,467.68	346,531.25
JUMLAH	1,905	30,400,996.66	705,831.25

- b. Mesyuarat membuat keputusan Jabatan Kastam akan meneruskan pemeriksaan di pintu keluar kawasan Kastam dan telah dipersetujui oleh ahli mesyuarat.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.3 REQUIREMENT FOR DIRECTORS TO PASS KURSUS EJEN KASTAM (KEK)

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Di Selangor, Pengarah syarikat dikehendaki hadir dan lulus Kursus Ejen Kastam (KEK) bagi tujuan memperbaharui lesen Kastam.**
- ii. Sebelum ini, seorang pegawai operasi dan seorang pegawai pengurusan syarikat boleh menghadiri KEK untuk memperbaharui lesen Kastam.**
- iii. FMFF berharap keperluan Pengarah syarikat hadir dan lulus KEK perlu dibatalkan.**
- iv. SAM menyatakan keperluan Pengarah syarikat hadir dan lulus Kursus Ejen Perkapalan (KEP) menimbulkan masalah kepada Pengarah syarikat bukan warganegara yang tidak boleh membaca atau menulis menggunakan Bahasa Malaysia.**

b. **Mesyuarat membuat keputusan :**

- i. Seorang pengarah atau pengurus dan seorang kakitangan yang berurusan dengan Jabatan Kastam perlu menghadiri kursus dan lulus kursus ejen yang ditetapkan.
- ii. Pindaan pada Perintah Tetap Kastam Bil.45 (Dasar Perlantikan dan Pembaharuan Ejen) akan dibuat.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.4 CJ NO.5 FACILITIES

a. **Mesyuarat mengambil maklum :**

- i. Pemegang lesen cukai jualan telah dimaklumkan pengecualian CJ5 hanya boleh diberikan sehingga 31 Disember 2014 dan bukan sehingga 31 Mac 2015.
- ii. MICPA berharap Jabatan Kastam akan memberi pengecualian CJ5 sehingga 31 Mac 2015 kepada pemegang lesen cukai jualan.
- iii. Permohonan untuk melanjutkan tempoh pengecualian CJ5 perlu disokong dengan pendaftaran syarikat GST, jika tidak Jabatan Kastam tidak meluluskan permohonan tersebut.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

1) Kelulusan CJ5 dibahagikan kepada dua kategori :

a) Tidak berdaftar dan tidak mencapai *threshold*

i. Kelulusan diberikan sehingga bulan Disember 2014.

Walaubagaimana pun, kelulusan sehingga 31 Mac 2015 hanya diberi berdasarkan rekod penggunaan lepas dan mengikut keperluan. Tujuan untuk mengawal baki kuantiti pada 31 Mac 2015 yang mana jika syarikat tidak menjadi orang berdaftar GST, cukai terlibat perlu dijelaskan kembali.

b) Telah berdaftar atau capai *threshold*

i. Kelulusan CJ5 boleh diberi sehingga 31 Mac 2015.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.5 CANCELLATION OF THE SALES TAX AND SERVICE TAX LICENSE

- a. Mesyuarat mengambil maklum keperluan untuk menyerahkan lesen cukai jualan dan lesen cukai perkhidmatan selepas GST dilaksanakan pada 1 April 2015.
- b. Mesyuarat membuat keputusan :
 - i. Seksyen 178 (1) & 181 (1) Akta GST 2014 telah memansuhkan Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan tertakluk kepada peruntukan seksyen 178(2) dan 181 (2) Akta GST 2014.
 - ii. Salinan asal lesen cukai jualan atau lesen cukai perkhidmatan tidak perlu diserahkan kepada stesen Kastam berkenaan.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.6 DELAYS IN APPROVAL OF CJ5 AND CJP 2

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Kelulusan pemprosesan CJ5 dan CJP2 di JKDM Selangor mengambil masa 1 hingga 2 minggu.**
- ii. FMM berharap Jabatan akan menempatkan lebih ramai pegawai bertugas bagi mempercepatkan proses kelulusan CJ5 dan CJP2.**
- iii. Tindakan menambah pegawai bagi mengendalikan urusan pemprosesan CJ5 dan CJ2 telah diambil oleh JKDM Selangor.**

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.7 ONLINE SUBMISSION FOR LMW

- a. Mesyuarat mengambil maklum :**
 - i. Proses permohonan secara manual untuk mengimport bahan mentah oleh Gudang Pengilangan Berlesen (GBP) melibatkan kos yang tinggi kepada syarikat.**
 - ii. FMM berharap Jabatan Kastam mewujudkan permohonan secara online untuk tujuan pengimportan bahan mentah oleh GBP.**
- b. Mesyuarat memutuskan cadangan FMM telah diambil kira dalam pembangunan sistem uCustoms.**

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

5.8 UPGRADE THE AEO SYSTEM TO BE FORWARD COMPATIBLE WITH THE LATEST WINDOWS OS

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
 - i. Perisian *Authorized Economic Operator* (AEO) hanya boleh digunakan dengan Windows XP.
 - ii. FMM berharap JKDM menaik taraf sistem AEO agar dapat digunakan dengan *Windows Operation System*.
 - iii. Perkara ini telah diambil maklum oleh Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat dan pihak Digicert Sendirian Berhad yang mengendalikan sistem AEO.
 - iv. Pihak Digicert telah membuat ujian dalaman bagi menggantikan *certificate* yang sesuai dengan *Windows 7 & Windows 8*.
 - v. Perkara ini telah diambil maklum dalam pembangunan sistem uCustoms.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.9 LEGALITY OF K1/K2 CHIT DOCUMENT

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Pengguna diberi pilihan untuk melengkapkan proses pengikraran pengimportan atau pengeksportan samada dengan ;
 - a) Mencetak chit / resit ATAU
 - b) Mencetak pada *prescribed* Borang Kastam 1 atau Kastam 2 sepetimana disebut dalam Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kastam 1977.
- ii. CTIM meminta kesahihan dari aspek undang-undang samada ‘chit’ boleh digunakan bagi menggantikan cetakan pembayaran yang akan dicetak pada *prescribed* Borang Kastam 1 atau Kastam 2.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

- i. ‘Chit’ yang dicetak adalah untuk membantu Jabatan Kastam untuk mengetahui status pengikraran dagangan.
- ii. ‘Chit’ yang dicetak bukan merupakan *prescribed form* seperti yang termaktub dalam Seksyen 78 dan Seksyen 80 Akta Kastam 1967.

- iii. Maka, ‘chit’ yang dicetak tidak boleh dijadikan pengganti untuk *prescribed form*.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.10 FILING OF CUSTOMS NO.1A

a. **Mesyuarat mengambil maklum:**

- i. Ketidakseragaman berlaku dalam pengikraran borang Kastam 1A di mana segelintir syarikat tidak mengikrar borang Kastam 1A.
- ii. Apabila tidak mengikrar, ia menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang seperitimana yang termaktub dalam Peraturan 11A Peraturan Kastam 1977.
- iii. Syarikat-syarikat tidak diberi arahan yang jelas mengenai keperluan untuk mengikrar borang Kastam 1A.
- iv. CTIM mengesyorkan Jabatan memberi kelonggaran kepada syarikat untuk mengikrar borang Kastam 1A jika perlu sahaja.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

- i. Undang- undang memperuntukan borang Kastam 1A wajib diikrar sekiranya nilai barang yang diimport melebihi RM20,000.
- ii. Syarikat dikehendaki mematuhi peraturan 11A Peraturan Kastam 1977 dan menyimpan rekod agar dapat membantu Jabatan semasa membuat audit.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

6. MEMBINCANGKAN HAL- HAL LAIN

6.1 PENDAFTARAN GST

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. *Chartered Tax of Institute of Malaysia (CTIM)* memaklumkan jumlah pendaftaran syarikat untuk GST agak perlahan.
- ii. CTIM meminta Jabatan menyalurkan maklumat mengenai pendaftaran syarikat untuk GST secara meluas dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk mendaftar sebagai registran GST.

- iii. CTIM memohon supaya perkongsian maklumat secara berterusan diadakan antara Jabatan dan sektor swasta dalam memastikan pelaksanaan GST berjaya dengan sepenuhnya.
- iv. *Malaysian Knitting Manufactures Association* (MKMA) turut mencadangkan Jabatan mengambil pelbagai cara untuk meningkatkan bilangan registran GST.
- v. *Federation of Malaysian Freight Forwarders* (FMFF) mencadangkan persatuan-persatuan agen memainkan peranan dalam meningkatkan bilangan syarikat yang mendaftar sebagai registran GST.
- vi. Pengurus meminta ahli mesyuarat terutamanya wakil-wakil sektor swasta mengambil inisiatif untuk menyebarkan maklumat mengenai pendaftaran GST dan tidak perlu menunggu sehingga saat akhir.

UNTUK MAKLUMAN

7. UCAPAN PENUTUP PENGERUSI BERSAMA

- a. Encik S.Raja Kumaran memaklumkan mesyuarat pada hari ini telah berjaya menyelesaikan beberapa perkara dengan mengambil keputusan yang tepat dan pantas.
- b. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia kerana sudi menganjurkan mesyuarat ini.
- c. Beliau berharap komitmen Jabatan dan pihak swasta harus diteruskan dalam menjayakan mesyuarat ini harus diteruskan demi kebaikan bersama.

UNTUK MAKLUMAN

8. UCAPAN PENANGGUHAN PENGERUSI

- a. Dato' Sri Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir dan memaklumkan mesyuarat ini telah memberi gambaran yang jelas mengenai masalah yang timbul di kalangan peniaga.

- b. Dato' Sri Pengerusi berharap tindakan terhadap isu-isu yang telah dibincangkan diambil segera agar tidak dibangkitkan semula pada mesyuarat yang akan datang.

- c. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad meminta pihak swasta untuk terus memberi sokongan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga kerajaan Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan GST tahun hadapan.

UNTUK MAKLUMAN

9. PENANGGUHAN MESUARAT

- a. Mesyuarat ditangguh pada jam 12.15 tengahari.
- b. Tarikh dan tempat untuk Mesyuarat Panel Perundingan Kastam - Swasta Bil.1/2015 ditentukan kemudian.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**SEKRETARIAT
MESYURAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.2/2014
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
3 DISEMBER 2014**

SENARAI KEHADIRAN

A. PENGERUSI

1. **YBhg. Dato' Sri Khazali bin Hj. Ahmad**
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

B. PENGERUSI BERSAMA

1. **Encik S.Raja Kumaran**
Chairman of Focus Group Trade Facilitation (MICCI)

C. WAKIL JKDM

1. **YBhg. Dato' Haji Matrang bin Suhaili**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan / Pematuhan)
2. **YBhg. Dato' Zaleha binti Hamzah**
Penasihat Kastam
3. **YBhg. Dato' Haji Hassan bin Ibrahim**
Penolong Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan
4. **YBhg. Dato' Hjh. Azizah binti Ibrahim**
Pengarah Kastam
Bahagian Siasatan
5. **YBhg.Dato' Haji Md.Salleh bin Said**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman

6. **Y.M. Raja Rozela Shah binti Raja Toran**
Pengarah
Bahagian Perundangan
7. **YBhg.Dato' Ab.Hamid bin Salleh**
Pengarah Kastam
Bahagian Perancangan Korporat
8. **YBhg. Dato' Subromaniam Tholasy**
Pengarah Kastam
Bahagian GST
9. **Tuan Paddy bin Abd.Halim**
Pengarah Kastam
Bahagian Pengurusan Pematuhan
10. **Tuan Abdullah bin Sidik**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkhidmatan Teknik
11. **Tuan Jaafar bin Mat Jawi**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian
Bahagian Perkastaman
12. **Puan Amarjit Kaur Maktiar Singh**
Timbalan Pengarah Kastam
Sektor I
Bahagian GST
13. **Tuan Ong Guan Sai**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pendakwaan
Bahagian Penguatkuasaan
14. **Tuan Awai bin Mamat**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Industri, Petroleum dan Gas
Bahagian Perkastaman

- 15. Puan Tengku Aini Baldri binti Engku Mansor**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pusat Pendaftaran & Pengurusan Hasil GST
Bahagian GST
- 16. Tuan Wan Nor Wan Mamat**
Timbalan Pengarah Kastam
Sektor Pengurusan Pembayar Cukai Utama
Bahagian GST
- 17. Tuan Mohd Zainy bin Mohd Zain**
Timbalan Pengarah
Cawangan Perkhidmatan/Latihan
Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia
- 18. Tuan Rosli bin Mohamad**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perancangan Strategik
Bahagian Peracangan Korporat
- 19. Tuan Che Mood bin Harun**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Pasca Import
Bahagian Pematuhan
- 20. Tuan Hj. Abdul Manan bin Mohamed**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Pengurusan Penilaian
Bahagian Perkhidmatan Teknik
- 21. Puan Latipah binti Md Zain**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Bahagian Teknologi Maklumat
- 22. Puan Norzila binti Abdullah**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Perakaunan Hasil
Bahagian Perkhidmatan Teknik

- 23. Tuan Ganesan Kothendapani
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Bahagian GST**
- 24. Tuan Balachandran Krishnasamy
Penolong Pengarah Kastam
Cawangan Import/Eksport & Kawalan Sempadan
Bahagian Perkastaman**
- 25. Tuan Soh Tek Liang
Penolong Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan**
- 26. Puan Zurina binti Hussin
Penguasa Kastam
Bahagian GST**

D. WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

- 27. Encik Zainordin bin Shahlal
Bahagian Analisa Cukai**
- 28. Puan Noreen Haiza binti Khairudin
Bahagian Analisa Cukai**
- 29. Puan Syuhada binti Yusoff
Bahagian Analisa Cukai**

E. WAKIL PIHAK SWASTA

- 30. YBhg.Dato' Tan Kwong Jin
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**
- 31. Cik Maygelah Siva
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**
- 32. Puan Wong Hin Wei
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry
(MICCI)**

- 33. Encik Muhammad Abdul Hadi Abdullah**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry
(MICCI)
- 34. Encik Eyun Chew**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry
(MICCI)
- 35. Puan Wong Poh Geng**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- 36. Cik Tan Yu Yin**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- 37. Encik Thomas Selva Doss**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- 38. Encik Loo Chea Hee**
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
- 39. Cik Lim Yen Ling**
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
- 40. Encik Walter Culas**
Air Freight Association of Malaysia (AFAM)
- 41. Encik Anuar Ashari**
Air Freight Association of Malaysia (AFAM)
- 42. Encik Zainal Abidin**
Air Freight Association of Malaysia (AFAM)
- 43. Encik Lim Kok Seng**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 44. Encik SM Thanneermalai**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)

- 45. Encik Ong Whee Tiong**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 46. Encik Yong Siew Meng**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 47. Encik Peter Lim Thiam Kee**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 48. Encik Yeoh Cheng Guan**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- 49. Encik Alvin Chua**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 50. YBhg. Dato' Sri Dr. Am Vijay**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 51. YBhg. Dato' Tony Chia**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 52. Cik Jessica Ho**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 53. Encik Tan Jm Fai**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 54. Encik Lim Kar Haw**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 55. Encik Lau Haw Chong**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 56. Encik Mohd Salimi Ahamad**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 57. Encik Khadmudin Hj. Mohd. Rafik**
Malaysian Knitting Manufacturers Association (MKMA)

- 58. Encik Santhana Sahanan**
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 59. Encik V.Muthiah**
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 60. Encik Fong Keng Lun**
Shipping Association Malaysia (SAM)
- 61. Puan Noor Paridah Hanum binti Mohd Noor**
Malay Chamber of Commerce Malaysia (MCCM)
- 62. Encik Dhev Kumar Raghavan**
Malaysian Associated Indian Chamber of Commerce & Industry (MAICCI)

F. SEKRETARIAT

- 63. Tuan Aidid Tajuddin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perhubungan Awam
- 64. Tuan Najimuddin Mohammad Ali**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Perhubungan Awam
- 65. Tuan Amiruddin Mohd Akhir**
Penolong Pengarah Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 66. Puan Kohila Rajaram**
Penolong Pengarah Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 67. Puan Hamidah Abdul Hamid**
Pegawai Kastam
Cawangan Perhubungan Awam